

ROSUCOR TABLET

Rosuvastatin Calcium (20mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Rosucor
2. Bagaimana Rosucor berfungsi
3. Sebelum menggunakan Rosucor
4. Cara menggunakan Rosucor
5. Semasa menggunakan Rosucor
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Rosucor
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Rosucor

Rosucor digunakan untuk menurunkan paras kolesterol yang tinggi apabila pengawalan diet dan bersenam masih tidak cukup untuk membetulkan tahap kolesterol anda.

Bagaimana Rosucor berfungsi

Rosucor mengandungi rosuvastatin sebagai bahan aktif.

Rosuvastatin tergolong dalam kumpulan ubat yang dikenali sebagai statin. Ia berfungsi dengan membantu menyekat pengeluaran kolesterol 'tidak baik' dalam hati anda. Ia juga meningkatkan keupayaan badan anda untuk mengeluarkannya dari darah anda.

Sebelum menggunakan Rosucor

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan Rosucor:

- Jika anda alergi (hipersensitif) kepada *Rosuvastatin*, atau kepada mana-mana bahan-bahan.
- Jika anda mempunyai penyakit hati.
- Jika anda mempunyai masalah buah pinggang yang teruk.
- Jika anda telah mengalami sakit otot atau kesakitan yang berulang atau tidak dapat dijelaskan.
- Jika anda mengambil ubat yang dipanggil *ciclosporin*.
- Jangan ambil Rosucor jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.
- Jangan ambil Rosucor jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

Mengandung dan menyusukan anak
Jangan mengambil Rosucor jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

Jangan mengambil Rosucor jika anda merupakan seorang ibu yang menyusukan bayi. Sila dapatkan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi anda sebelum anda mengambil sebarang ubat-ubatan.

- Sebelum menggunakan Rosucor

Ambil perhatian khususnya;

- Jika anda mempunyai masalah dengan buah pinggang anda.
- Jika anda mempunyai masalah dengan hati anda.
- Jika anda mengalami sakit otot atau kesakitan yang berulang atau tidak dapat dijelaskan, sejarah peribadi atau keluarga tentang masalah otot, atau pernah mengalami masalah otot apabila mengambil ubat kolesterol lain pada masa dahulu.
- Jika anda kerap minum alkohol dalam jumlah yang besar.
- Bercakap dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil Rosucor 10:
- Jika anda menghidap atau pernah menghidap myasthenia (penyakit yang menyebabkan kelemahan otot secara umum termasuk, dalam beberapa kes, otot yang digunakan untuk bernafas), atau myasthenia okular (penyakit yang menyebabkan kelemahan otot mata) kerana statin kadangkala boleh memburukkan keadaan tersebut.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Beritahu doktor anda jika anda mengambil mana-mana daripada yang berikut:

- *Ciclosporin* (digunakan sebagai contoh, selepas pemindahan organ).
- *Protease inhibitors* termasuk *ritonavir*, *atazanavir*, *lopinavir* dan/atau *tipranavir* (ubat antiviral digunakan untuk merawat HIV / AIDS dan hepatitis).

- Fibrates (seperti *gemfibrozil*, *fenofibrate*) atau ubat-ubatan lain yang digunakan untuk menurunkan kolesterol (seperti *ezetimibe* dan *niacin*).
- Ubat untuk ketidakhadaman perut (digunakan untuk meneutralkan asid di dalam perut anda).
- *Erythromycin* dan *fusidic acid* (antibiotik).
- Kesan ubat-ubatan ini boleh diubah oleh Rosucor atau mereka boleh mempengaruhi kesan Rosucor:
 - *Warfarin* (atau mana-mana ubat lain yang digunakan untuk penipisan darah).
 - Ubat perancang keluarga atau hormon oral (HRT).

Cara menggunakan Rosucor

- Berapa banyak harus digunakan

Dos permulaan biasa adalah Rosucor 5-20 mg sekali sehari dan kebanyakan keadaan pesakit dapat dikawal pada dos ini. Peningkatan dos kepada 20 mg boleh dibuat selepas 4 minggu, jika perlu.

Rosuvastatin 40mg hanya di gunakan untuk pesakit yang mempunyai paras kolesterol yang tinggi dalam darah (termasuk dengan penghidap familial high cholesterol level – kadar kolesterol “jahat” yang di sebabkan faktor keturunan) apabila rawatan menggunakan 20mg tidak berkesan.

Doktor anda akan memutuskan dos yang bersesuaian dengan anda berdasarkan keadaan anda.

Bila perlu digunakan

Rosucor boleh diberikan pada bila-bila masa, dengan atau tanpa makanan.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal. Doktor anda akan menentukan dos yang sesuai dengan anda bergantung kepada keadaan anda.

ROSUCOR TABLET

Rosuvastatin Calcium (20mg)

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Rosucor

- Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan *Rosuvastatin*.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda mempunyai sakit otot yang tidak dapat dijelaskan atau sakit terutamanya jika anda merasa kurang sihat atau demam.
- Teruskan dengan pengawalan makanan dan bersenam semasa anda mengambil Rosucor.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti mengambil ubat kecuali dinasihatkan oleh doktor anda.
- Jangan mengambil apa-apa ubat-ubatan baru tanpa berunding dengan doktor anda.
- Jangan berikan Rosucor kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom yang sama atau keadaan seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera

Rosuvastatin mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera, Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Rosucor boleh menyebabkan kesan sampingan,

walaupun bukan semua orang mendapatnya.

Jumpa doktor atau pegawai farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas mengambil ubat ini:

- Reaksi hipersensitiviti termasuk angioedema (membran mukus bengkak).
- Sakit kepala, pening, polyneuropathy (gejala muncul terutamanya pada kaki dan tangan, berasa lemah, kehilangan perasaan pada badan, *pins and needles* "berasa kesemutan").
- Sembelit, loya, sakit perut, radang pankreas, cirit-birit.
- Pruritus (gatal-gatal), ruam, urtikaria (jenis ruam kulit).
- Sindrom Stevens - Johnson (gangguan kulit dan mukus membran).
- Sakit otot, sakit otot atau kelemahan bukan disebabkan oleh senaman, terutamanya jika anda juga mempunyai demam atau secara amnya merasa kurang sihat, *rhabdomyolysis* (kerosakkan pada otot rangka), sakit sendi.
- Kelemahan fizikal yang tidak normal atau kekurangan tenaga, urin mengandungi darah atau protein.
- Jaundis, hepatitis (radang hati), peningkatan enzim hati.
- Kehilangan ingatan, kealpaan, lemah ingatan, kekeliruan.
- Kandungan gula dalam darah tinggi, paras gula darah tinggi semasa puasa.
- Kekerapan tidak diketahui:
- Myasthenia gravis (penyakit yang menyebabkan kelemahan otot secara umum termasuk, dalam beberapa kes, otot yang digunakan untuk bernafas)
- Myasthenia okular (Penyakit yang menyebabkan kelemahan otot mata)
- Berbincanglah dengan doktor anda jika anda mengalami kelemahan pada lengan atau kaki yang bertambah teruk selepas melakukan aktiviti, penglihatan berganda atau kelopak mata terkulai, kesukaran menelan, atau sesak nafas.

- Jika anda mengalami masalah otot yang berterusan walaupun selepas anda memberhentikan Rosucor atas

arahan doktor anda, sila rujuk kepada doktor anda. Doktor anda mungkin akan melakukan ujian lanjut untuk mengetahui punca masalah otot anda.

- Jika anda mengalami sebarang kesan sampingan, sila berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda. Ini termasuklah sebarang kesan sampingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini.

Sila beritahu doktor anda jika sebarang kesan sampingan mengganggu anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npa.moh.gov.my (*Public* → *Reporting Medicinal Problems / Side Effects (ConSERF) or Vaccine (AEFI)*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Rosucor

- Penyimpanan

- Simpan di bawah suhu 30°C.
- Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.
- Dilindungi dari kelembapan.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Putih ke putih pudar, bulat, dwikembung, tablet bersalut filem berpenjuru bujur dengan garisan pemisah di sebelah dan kosong di sebelah lain.

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

- *Rosuvastatin Calcium*.

ROSUCOR TABLET

Rosuvastatin Calcium (20mg)

Bahan-bahan tidak aktif:

- *Lactose Monohydrate.*
- *Microcrystalline cellulose.*
- *Crospovidone XL-10.*
- *Magnesium stearate.*
- *Hypromellose 2910.*
- *Triacetin*

Nombor MAL:

- MAL10080066AZ

Pengilang

Torrent Pharmaceuticals Limited
Indrad 382 721, Tal: Kadi,
City: Indrad, Dist. Mehsana,
India.

Pemegang Pendaftaran Produk

Laboratories Torrent (Malaysia) Sdn
Bhd.
Suite E-08-08 Plaza Mont Kiara,
No. 2 Jalan Kiara Mont Kiara,
50480 Kuala Lumpur,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

- 17/06/2025

Nombor Siri

NPRA(R2/1)250910/1537

ROSUCOR TABLET

Rosuvastatin Calcium (20mg)
